

30 OCT 1997

MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KE SLOVENIA

Oleh: Zainoor Sulaiman

LJUBLJANA, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari sini malam tadi selepas lawatan rasmi selama tiga hari ke Republik Slovenia dan menghadiri mesyuarat ketua-ketua kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas ke London menyambung penerbangan dengan pesawat MAS untuk pulang ke tanah air.

Menteri Luar Slovenia Dr Bores Frlec berada di lapangan terbang Brnik untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan rombongan. Semasa berada di sini beliau telah mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Slovenia Janez Drnovsek dan mengadakan pertemuan dengan Presiden Milan Kucan serta Presiden Parlimen Slovenia Dr Janez Prodonik.

Beliau juga berucap pada mesyuarat ahli-ahli perniagaan Slovenia dan melawat pelabuhan Koper di pinggir Laut Adriatik, meninjau ladang ternakan kuda di Lipica, industri pembuat forklift di Litostroj dan melawat kawasan peranganin Bled, 60 kilomter dari sini.

Dr Mahathir mengetuai delegasi seramai 44 orang termasuk 28 ahli perniagaan dalam lawatan rasminya ke negara ini.

Turut menyertai delegasi rasmi beliau ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zelaha Ismail, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob, Timbalan Menteri Kerjaraya Datuk Railey Jeffrey, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud serta pegawai-pegawai kanan kerajaan. --
BERNAMA

ZS RON